



PEGAWAI SEDANG BERKHIDMAT DI UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA DAN INDIVIDU YANG BERKELAYAKAN DIPELAWA UNTUK MENGISI KEKOSONGAN JAWATAN NAIB CANSOLOR DI UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA. MAKLUMAT JAWATAN TERSEBUT ADALAH SEPERTI BERIKUT:

NAIB CANSOLOR

Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan Tertinggi.

Taraf Lantikan : Kontrak/ Peminjaman.

Tempoh Lantikan : Satu (1) hingga tiga (3) tahun untuk setiap lantikan tertakluk kepada Kementerian Pendidikan Tinggi.

Gaji dan Imbuhan : Gaji permulaan dan imbuhan adalah setara dengan gred Utama Turus III yang akan dipertimbangkan mengikut peraturan semasa.

SYARAT PERMOHONAN

- 1) Calon adalah dari warganegara Malaysia;
- 2) Berumur 45 tahun hingga 57 tahun;
- 3) Berpengalaman luas dalam bidang berkaitan pengurusan kanan sekurang-kurangnya 10 tahun dalam aspek pengurusan dan pentadbiran organisasi; dan
- 4) Berupaya memainkan peranan signifikan dalam membantu Universiti Putra Malaysia memajukan dan memodenkan sektor pertanian negara.

KRITERIA UMUM

Seseorang calon bagi jawatan ini mestilah mempunyai kriteria-kriteria seperti berikut:

- i) **Kewibawaan Akademik:** Mempunyai kelayakan Ph.D merupakan satu kelebihan, mendapat *command of respect* dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwasit antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam khidmat profesional.

- ii) **Pengiktirafan Antarabangsa:** Calon mestilah mempunyai ciri-ciri penyelidik bertaraf antarabangsa, berwawasan dan memahami budaya akademik universiti penyelidikan ternama dunia dan diiktiraf oleh *peers* antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar negara.
- iii) **Kebolehan Memimpin dan Mengurus:** Calon mestilah mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik. Pengalaman dan rekod kecemerlangan kepimpinan akademik merupakan antara ciri utama menentukan kemampuan calon selain kemahiran komunikasi dan *interpersonal* yang mantap.
- iv) **Reputasi:** Calon mestilah mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang menyerlah kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan proven track record serta disanjung baik dan dihormati oleh masyarakat kampus dan luar serta boleh memimpin dan menerajui UPM dalam konteks menyokong pembangunan dan kesejahteraan masyarakat serta memenuhi keperluan dan aspirasi nasional; serta membantu negara untuk menjadikan bidang pertanian lebih berdaya saing dan boleh membawa UPM untuk menyumbang dengan berkesan dalam era Revolusi Industri 4.0
- v) **Personaliti:** Calon mestilah seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player* serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi Negara untuk membangunkan modal insan mentaliti kelas pertama.
- vi) **Berfikiran Jauh dan Kritis:** Calon mestilah berkemampuan untuk berfikiran jauh dalam menentukan hala tuju, visi pembangunan dan kecemerlangan organisasi selain mempunyai kemampuan untuk menganalisa, mensintesis dan membuat penilaian secara holistik dalam menyelesaikan masalah.
- vii) **Berintegriti:** Calon perlulah mempunyai tahap integriti yang tinggi, tidak pernah terlibat dalam mana-mana kesalahan jenayah dan tatatertib serta bertanggungjawab sepenuhnya terhadap jawatan dan peranan yang diamanahkan.
- viii) **Kapasiti Menjana Pendapatan:** Calon mestilah mempunyai minda keusahawanan seperti cekap melihat peluang, berani mengambil risiko bagi meneroka peluang baharu, berfikiran kreatif dan inovatif dalam menggunakan sumber secara optimum, mampu untuk menarik atau mencari dana dari industri dan pihak luar ke UPM, mengadakan jalinan kolaborasi yang efektif di antara UPM dan Industri, UPM dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, agensinya atau jabatan kerajaan lain yang berkaitan untuk menjana pendapatan universiti.

- ix) **Menghayati Agenda Nasional:** Calon perlu menangani perubahan dan membawa organisasi ke arah kecemerlangan serta bersedia untuk melaksanakan transformasi demi melonjakkan reputasi organisasi. Calon juga perlu mampu untuk menghargai kepelbagaian serta merealisasikan dasar-dasar negara dan agenda nasional.

CARA MEMOHON

- 1) Permohonan boleh di buat dengan mengemukakan **borang yang disediakan** berserta **Curriculum Vitae (CV) yang lengkap** termasuk pengalaman, kepimpinan dan pencapaian.
- 2) Borang permohonan dan CV perlu dikemukakan secara fizikal dan digital untuk urusan saringan.
- 3) Semua Permohonan hendaklah sampai selewat-lewatnya pada **16 Mei 2023 (Selasa)** di alamat berikut:

Dokumen fizikal: Bahagian Governan dan Integriti
Pejabat Pendaftar
Tingkat 4, Bangunan Canselori Putra
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
SELANGOR.
(u.p: Encik Azizi bin Ismail)

dan

Dokumen digital : kb_bgi@upm.edu.my /
syazaliyana@upm.edu.my

- 4) Permohonan yang lengkap dan lulus di peringkat saringan sahaja akan dipanggil temuduga.
- 5) Sebarang pertanyaan sila hubungi:

Encik Azizi bin Ismail / Cik Syazaliyana binti Samsudin
Telefon: 03-9769 1434

MAKLUM BALAS

Pemohon yang tidak menerima apa-apa maklum balas dalam masa **enam (6) bulan** dari tarikh tutup iklan ini dianggap tidak berjaya.

Pejabat Pendaftar
UPM
14 April 2023